

Kerjasama sedia latihan industri

BERITA HARIAN (PENDIDIKAN) 1 MAC 2016 m/s 14

» UMPH, PUO kongsi kepakaran bantu tingkat kebolehpasaran pelajar

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
open@bh.com.my

► Putrajaya

Politeknik Ungku Omar (PUO) dan Universiti Malaysia Pahang Holdings (UMPH) Sdn Bhd menandatangani satu nota persefahaman (NoU) mengenai peluang kerjasama bagi penempatan latihan industri pelajar di syarikat berkenaan.

Pengarah PUO, Datuk Md Nor Yusof, berkata menerusi kerjasama itu, seramai 10 pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam PUO akan menjalani latihan industri di UMPH selama 40 minggu bermula 22 Februari lalu.

Katanya, NoU adalah satu usaha bagi melahirkan pelajar berdaya saing dan berupaya

*untuk menghadapi cabaran alam pekerjaan pada masa akan datang.

"Melalui pelaksanaan ini, kita akan mengambil kira kepakaran dan kecekapan UMPH dalam bidang industri dan pembinaan serta pihak UMPH juga akan memberikan khidmat nasihat dalam menggubal serta menyemak koku-



Md Nor (kanan) dan Syed Mohamad Hamzah Al-Junid bertukar dokumen NoU selepas Majlis Pertukaran NoU antara PUO dengan UMPH di Putrajaya, baru-baru ini. Yang turut hadir Dr Daing Nasir (dua dari kiri), Mohd Hilmiey dan Mohlis.

rikulum kejuruteraan di PUO," katanya pada sidang media selepas Majlis Pertukaran NoU antara PUO dan UMPH di sini, baru-baru ini.

Hargai kerjasama

NoU ditandatangani Md Nor yang mewakili PUO, manakala UMPH

diwakili Pengarah Urusannya, Syed Mohamad Hamzah Al-Junid dan Syed Abdul Rahman.

Yang turut hadir ialah Pengurusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Mohd Hilmiey Mohd Taib, Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim dan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Poli-

teknik, Datuk Mohlis Jaafar.

Sementara itu, Mohd Hilmiey berkata, pihaknya amat menghargai kerjasama yang diberikan PUO untuk menempatkan pelajar-jarinya di UMPH yang sekali gus dapat membantu meningkatkan pengeluaran tenaga kerja dalam bidang teknikal dan vokasional

NoU adalah satu usaha bagi melahirkan pelajar yang berdaya saing dan berupaya untuk menghadapi cabaran alam pekerjaan pada masa akan datang”

**Md Nor Yusof,
Pengarah PUO**

(TVET) menjelang tahun 2020.

"UMPH akan berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam bidang kejuruteraan di bawah bimbingan pekerjaannya kepada pelajar PUO menjalani latihan industri.

"Usaha yang dilakukan ini amat bertepatan dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 dengan melahirkan lebih ramai tenaga kerja dalam sektor teknikal dan vokasional," katanya.